

Keputusan STPM 2016 lebih baik berbanding pencapaian 2015

565 calon peroleh PNGK 4.00

1/3/2017 Cm/s (8)

PUTRAJAYA – Seramai 565 calon Sijil Tinggi Persekolahan Malaysia (STPM) 2016 memperoleh Purata Nilai Gred Keseluruhan (PNGK) 4.00 berbanding 335 calon pada 2015.



MOHAMED MUSTAFA

Pengerusi Majlis Peperiksaan Malaysia, Prof. Datuk Seri Dr. Mohamed Mustafa Ishak berkata, pencapaian calon STPM 2016 secara keseluruhannya meningkat dalam semua kriteria pengukuran dengan PNGK Nasional mencatatkan peningkatan kepada 2.71 berbanding 2.65 pada 2015.

Menurutnya, bilangan calon yang mendapat PNGK 3.00 ke atas meningkat kepada 16,263

calon pada 2016 berbanding 14,263 calon pada 2015.

Selain itu, jumlah calon yang mendapat PNGK 2.75 ke atas turut meningkat daripada 20,359 orang dalam STPM 2015 kepada 22,407 orang pada 2016.

“Dengan peratusan dan bilangan calon yang mendapat PNGK 3.50 ke atas dan 2.75 ke atas, saya menjangkakan peluang lepasan STPM 2016 untuk diterima masuk ke universiti awam adalah lebih besar,” katanya ketika mengumumkan analisis keputusan itu di sini semalam.

Hadir sama Menteri Pendidikan, Datuk Seri



MAHDZIR (dua dari kiri) beramah mesra dengan penerima anugerah pelajar terbaik STPM 2016 dan MUET di Putrajaya semalam. Hadir sama Alias (kiri).

Mahdzir Khalid dan Ketua Setiausaha Kementerian Pendidikan, Datuk Seri Alias Ahmad.

Selepas pengumuman itu, Mahdzir menyam-

paikan anugerah kepada pelajar cemerlang STPM 2016 dan Ujian Bahasa Inggeris Universiti Malaysia (MUET).

Mohamed Mustafa

memberitahu, PNGK Nasional calon aliran sains adalah 2.73, mengatasi calon aliran sains sosial 2.71.

Bagaimanapun, PNGK

calon bagi kedua-dua aliran menunjukkan peningkatan yang sama iaitu sebanyak 0.07 mata berbanding PNGK STPM 2015.

INFO

Sistem Pemarkahan STPM

PNGK	GRED MATA PELAJARAN	KEPUTUSAN
4.00	A	Lulus penuh
3.67	A-	
3.33	B+	
3.00	B	
2.67	B-	
2.33	C+	
2.00	C	Lulus sebahagian
1.67	C-	
1.33	D+	
1.00	D	Gagal
0.00	F	